

# IPTS kurang pelajar perlu giat promosi enrolmen

B4 2/2/08 M/s 27

## Pengurusan mesti tingkat kualiti pendidikan bagi raih keyakinan

Oleh Rosniza Mohd Taha

**I**NSTITUSI pengajian tinggi swasta (IPTS) perlu memantapkan strategi pemasaran termasuk meningkatkan promosi bagi mengatasi masalah kekurangan enrolmen pelajar yang dihadapi sebilangan besar pusat pengajian itu ketika ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Adham Baba, berkata selain usaha agresif Jabatan Pemasaran, IPTS boleh menggunakan khidmat jaringan alumni untuk mempromosi dan menarik minat pelajar mengikuti pengajian di institusi masing-masing.

Katanya, IPTS juga boleh menyerai 60 siri lawatan promosi Kementerian Pengajian Tinggi ke luar negara termasuk China, Indonesia, Afrika dan negara Timur Tengah yang akan diadakan tahun ini bagi menambah jumlah kemasukan pelajar asing.

Beliau turut mengingatkan IPTS supaya mengukuhkan kualiti pendidikan ditawarkan menerusi peningkatan kepelbagaian program, pensa-

rah berkelayakan tinggi serta infrastruktur bagi meraih keyakinan umum terhadap pusat pengajian itu.

"Kekurangan enrolmen pelajar antara isu utama di kalangan IPTS ketika ini, malah, dilaporkan kritikal bagi beberapa kolej yang terpaksa bekerja keras bagi memastikan pusat pengajian mereka tidak ditutup kerana rana masalah itu.

"Kementerian meminta IPTS berusaha mengatasi masalah ini dengan

melakukan lebih banyak kegiatan promosi bagi mendedahkan kepada orang ramai terutama pelajar mengenai pengajian ditawarkan.

"Pada masa sama, kualiti pendidikan dan kemudahan pembelajaran yang ditawarkan juga perlu dimantapkan bagi menarik minat pelajar melanjutkan pengajian ke IPTS," katanya kepada *Berita Harian* pada Majlis Sambutan 10 tahun Penubuhan Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC), di Kajang, kelmarin.

Dalam ucapannya, Adham menggariskan tujuh ciri kecemerlangan yang perlu dikekalkan KLIUC dalam usaha mencapai taraf universiti penuh.

"Berdasarkan pemerhatian saya, KLIUC berpotensi menjadi antara universiti terkemuka di negara ini berdasarkan tujuh ciri positif dimiliki.

"Ciri itu membuat perubahan berdasarkan keperluan semasa; kepimpinan dinamik; pensyarah berkualiti; penuntut berdaya saing; strategi pemasaran baik; keyakinan tinggi serta penawaran kursus yang mendapat akreditasi," katanya.

Sementara itu, Presiden KLIUC, Prof Datuk Wira Ir Dr Mohammad Noor Salleh, berkata setelah lima tahun meraih pelbagai kejayaan membanggakan sebagai kolej universiti, pihaknya kini lebih yakin melaksanakan usaha mendapatkan status universiti penuh dalam tempoh beberapa tahun lagi.

"Kami ingin meningkatkan jumlah pensyarah berkelayakan doktor falsafah kepada sekurang-kurangnya 30 peratus dengan menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan pensyarah sedia ada melanjutkan pengajian ke tahap itu serta mengambil pensyarah baru yang mempunyai kelulusan berkenaan.

"Usaha menambah enrolmen daripada 2,300 pelajar ketika ini kepada 3,500 pelajar dalam jangka pendek dan 5,500 pelajar untuk jangka panjang juga diperhebat termasuk mewujudkan unit khas bagi menguruskan kemasukan dan kebajikan pelajar asing.

"Ketika ini, terdapat 280 pelajar asing dari 30 negara mengikuti pengajian di KLIUC," katanya.

### FAKTA NOMBOR

Promosi Pengajian Tinggi

60

Siri lawatan ke luar negara

100,000

Sasaran pelajar antarabangsa menjelang 2010